

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT TAHUNAN KOUNSIL
PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA
DI PUSAT BELIA ANTARABANGSA, BANDAR TUN RAZAK
KUALA LUMPUR, PADA HARI JUMAAT
29HB. JULAI, 1988
PUKUL 9.30 PAGI

Yang Mulia Tunku Hamdah bte Tunku Besar
Burhanuddin, Naib Yang di-Pertua,
Persatuan Pandu Puteri Malaysia;

Yang Berusaha Puan Hajah Norolah Luk,
Naib Yang di-Pertua, Persatuan Pandu
Puteri Malaysia;

Yang Berbahagia Puan Nik Faizah bte Nik
Mustapha, Ketua Pesuruhjaya, Persatuan
Pandu Puteri Malaysia;

Dif-Dif Kehormat;

Ahli-Ahli Kaunsel;

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah dan izinNya dapat kita sekali lagi berhimpun di Mesyuarat Tahunan Kouncil Persatuan Pandu Puteri Malaysia pada pagi ini. Saya mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada para jemputan dan hadirin sekalian yang telah melapangkan masa untuk hadir di Mesyuarat ini.

2. Mesyuarat Tahunan Kouncil Persatuan Pandu Puteri bagi peringkat kebangsaan, negeri dan daerah adalah tertulis di dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu semua Persatuan Pandu Puteri hendaklah mengadakan mesyuarat tersebut setiap tahun. Dengan mengadakan mesyuarat tahunan segala laporan berhubung dengan aktiviti, kewangan, rancangan dan lain-lain lagi bagi satu-satu tahun itu dapat dibentangkan untuk pengetahuan ahli-ahli Persatuan ini. Dengan cara ini kita dapat sama-sama berbangga di atas sebarang kemajuan yang dicapai dan juga sama-sama mengambil sebarang langkah atau tindakan sekiranya perlu. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan projek Pandu Puteri di tempat masing-masing. Saya berharap usaha-usaha ini akan dapat diterus dan ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Anak-anak gadis kita memerlukan didikan dan panduan yang sempurna. Di sekolah mereka mempelajari pelajaran akademik, sedangkan di luar sekolah mereka perlukan didikan dalam bidang-bidang lain pula. Kepanduan adalah merupakan salah satu bidang yang dapat membantu anak-anak gadis kita memenuhi masa lapang mereka. Kepanduan atau 'Guiding'¹ melatih anak-anak gadis berdasarkan kepada perjanjian Pandu Puteri dan Undang-undangnya. Anak-anak gadis kita ini diasuh daripada segi moral, disiplin, percaya kepada diri sendiri, berdikari serta sedia menolong orang lain. Di samping itu juga melalui kegiatan-kegiatan kepanduan, anak-anak gadis kita dapat menggunakan masa lapang mereka dengan baik -dan membina.

4. Puan-puan yang berpakaian seragam adalah pendidik kepada ahli-ahli Gerakan Pandu Puteri iaitu Tunas Puteri, Pandu Puteri, Renjer Puteri dan Kadet Pandu Puteri. Tugas yang puan-puan lakukan ini adalah berat dan memakan masa. Saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan di atas semangat puan-puan. Sumbangan puan-puan ini amatlah dihargai.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

5. Tahun 1987 adalah merupakan tahun yang teristimewa bagi Persatuan Pandu Puteri Malaysia, kerana pada 22hb. November, 1987, genaplah 70 tahun Persatuan ini ditubuhkan di Malaysia. Antara projek-projek yang dijalankan termasuklah:

- a. Projek Gotong Royong yang telah diadakan di seluruh negara, manakala di peringkat kebangsaan telah dilancarkan oleh saya sendiri sempena dengan Hari Peringatan pada 22hb. Februari, 1988, di Kampung Palimbayan, Sungai Pencala, Kuala Lumpur.
- b. Program Pertukaran Pandu Puteri Antara Negeri telah dijalankan di semua negeri dalam cuti penggal pertama dan kedua persekolahan 1987.
- c. Kuiz Kepanduan peringkat kebangsaan telah diadakan di Maktab Perguruan Lembah Pantai pada 17hb. Oktober, 1987 yang telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Belia, Kementerian Belia dan Sukan. Saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Pandu Puteri Pulau Pinang kerana telah berjaya menjadi johan pertandingan kuiz ini.
- d. Pameran Kepanduan di Muzium Negara, telah diadakan pada 17hb. Oktober hingga 22hb. November, 1987. DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah merasmikan Pameran itu pada 17hb. Oktober, 1987.
- e. Bersempena 70 tahun Persatuan Pandu Puteri Malaysia satu penerbitan buku cenderamata telah diusahakan bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepanduan kepada umum. Terima kasih kepada Public

Bank Berhad kerana telah membiayai perbelanjaan mencetak buku cenderamata ini.

f. Anugerah Kepanduan telah dikurniakan kepada tokoh-tokoh kepanduan pada 22hb. November, 1987. Tahniah diucapkan kepada tokoh-tokoh yang telah berjaya.

g. Acara kemuncak ialah 'Majlis Malam Kepanduan' yang telah diadakan pada 22hb. November, 1987. Kita amat bertuah kerana Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Hajah Azizah bte Sultan Iskandar Al-Haj, telah berkenan mempengerusikan 'Majlis Malam Kepanduan' ini yang telah berjaya mengumpulkan wang berjumlah lebih daripada \$59,000 untuk Tabung Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Saya menyembah junjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang dan juga Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang di atas usaha Ke Bawah Duli Baginda.

6. Usaha untuk meningkatkan lagi prestasi dan kegiatan Pandu Puteri adalah menjadi tanggungjawab keseluruhan ahli dan pemimpinnya. Kita hendaklah memahami dengan sedalam-dalamnya objektif, perjanjian serta undang-undang Pandu Puteri. Dengan asas yang kukuh ini kita akan dapat menunaikan peranan dan tanggungjawab kita dengan lebih

berkesan lagi. Adalah menjadi harapan saya, agar Persatuan Pandu Puteri Malaysia dapat melahirkan tokoh-tokoh Pandu Puteri yang berjaya dalam semua bidang. Hari ini kita akan dapat menyaksikan dua orang pemimpin Pandu Puteri yang telah lulus dalam ujian Lesen Perkhemahan, iaitu ujian yang paling tinggi sekali untuk pemimpin Pandu Puteri, dan juga beberapa orang ahli Pandu Puteri yang telah lulus dalam ujian Pandu Puteri Raja, iaitu ujian yang paling tinggi sekali untuk ahli Pandu Puteri. Kepada mereka saya ingin mengucapkan tahniah dan diharapkan dengan kejayaan yang diperolehi ini akan dapat mempertingkatkan lagi prestasi dan kegiatan Pandu Puteri di negara kita.

7. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia kerana menyediakan kad-kad Hari Raya untuk anggota keselamatan pada tahun 1987 dan 1988. Saya telah difahamkan oleh Ketua Pesuruhjaya, Yang Berusaha Puan Nik Faizah bte Nik Mustapha, bahawa projek ini telah dijadikan satu projek tahunan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

8. Saya akhiri ucapan ini dengan mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, yang telah memberi bantuan, sokongan dan kerjasama kepada Persatuan ini demi kepentingan masyarakat keseluruhannya. Kepada Puan Nik Faizah bte Nik Mustapha, saya ingin

mengucapkan tahniah di atas perlantikan beliau sebagai Pengerusi Jawatankuasa Asia Pasifik, Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia, di Persidangan Sedunia Ke-27, di Kenya pada bulan Julai 1987 yang lalu. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana beliau telah berjaya memimpin Persatuan ini, selaku Ketua Pesuruhjaya, yang telah genap usianya lima tahun pada hari ini. Kepada Yang Mulia Tunku Hamdah diucapkan terima kasih di atas perkenan Yang Mulia Tunku memimpin Persatuan ini, selaku Naib Yang Di-Pertua sehingga hari ini.

9. Dengan doa semoga Mesyuarat Tahunan Kouncil Persatuan ini akan berjalan dengan licin dan sempurna, penuh dengan manfaat kepada Pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Tahunan Kaunsel ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
